

Berikut adalah terma dan syarat bagi kerja-kerja rakaman video/foto mengikut persetujuan antara pihak SIURANGDOTCOM dengan pelanggan yang terkandung dalam borang tempahan melalui perkara seperti di bawah:

1. VCD/DVD/HD ini adalah untuk tontonan di rumah dan kegunaan persendirian sahaja, tidak boleh dijual, disewa ataupun di komersialkan kecuali yang berkaitan dengan perjanjian mengikut kerja-kerja rakaman bagi tujuan komersial dan seumpamanya.
2. Kesemua klip video atau foto yang terdapat di dalam VCD/DVD/HD ini adalah hak milik empunya yang berkaitan, dan hak cipta oleh SIURANGDOTCOM kecuali yang bukan berkaitan dengannya. SIURANGDOTCOM berhak menggunakan mana-mana rakaman klip video atau foto bagi tujuan promosi dan portfolio.
3. Kesemua lagu-lagu, SOUND EFFECT adalah hak cipta, hak milik syarikat rakaman, komposer, penulis lirik dan yang berkaitan. SIURANGDOTCOM menafikan hak ke atas lagu-lagu, SOUND EFFECT kecuali yang berkaitan dengannya dan tidak bertanggungjawab di atas penggunaan di dalam VCD/DVD/HD ini.
4. Wang tempahan 70% (booking) dari Jumlah pakej yang diambil hendaklah dibayar sebulan (1 bulan) sebelum majlis berlangsung dan baki dibayar setelah penghantaran. Wang tempahan 70% (booking) tidak akan dikembalikan sekiranya tempahan dibatalkan tanpa sebab yang kukuh.
5. Bayaran bagi rakaman luar (Outdoor Photo/Video Session, Pre-Wedding, Save The Date) dan Custom Album hendaklah dibayar penuh sebelum rakaman/suntingan dijalankan KECUALI ia terkandung dalam mana-mana pakej yang ditawarkan.
6. Bagi Lokasi Melebihi 8KM Dari Pekan Papar Atau Daerah² Lain Caj RM0.70 Bagi 1Km Dan Caj Penginapan Akan Dikenakan JIKA MEMERLUKAN. Caj luar

Kawasan Sebanyak RM30 hingga RM150 Sehari Bagi Lokasi Melebihi 8KM Keatas. (Tertakluk pada jarak lokasi & keperluan)

7. Backup data bertujuan untuk melindungi data asal sekiranya rosak atau hilang dalam tempoh 1 bulan (satu bulan). Setelah tamat tempoh data akan dipadam dari simpanan kami. Anda boleh mendapatkan semula salinan dari kami selagi tempoh sah dengan menyertakan DVD kosong atau Pendrive bersaiz 16GB.
8. Tempahan hendaklah dibayar seawal boleh (booking) bagi mengelakkan tempahan penuh pada tarikh majlis.
9. Kerja-kerja rakaman video/foto adalah mengikut kreativiti videographer/photographer mengikut kesesuaian majlis TANPA arahan mana-mana pihak kecuali yang telah dibincangkan antara SIURANGDOTCOM dan pelanggan mengikut persetujuan bersama.
10. Masa rakaman video/foto mengikut aturcara majlis seperti dalam kad undangan.
11. Kerja-kerja suntingan video/foto mengikut urutan tarikh acara majlis berlangsung bukan pada tempahan tarikh. Suntingan video adalah mengikut kreativiti video editor TANPA arahan mana-mana pihak kecuali yang telah dibincangkan antara SIURANGDOTCOM dan pelanggan mengikut persetujuan bersama.
12. Sebarang perubahan suntingan yang telah siap di DVD/HD kan akan dikenakan bayaran tambahan RM120 mengikut kandungan klip.
13. Jangka masa siap, 1 minggu atau melebihi 3 minggu. (Tanpa Gangguan Technical) Sekiranya terdapat masalah technical pihak kami akan memaklumkan dalam kadar segera.
14. Video/Foto yang telah siap akan dimaklumkan melalui telefon dan akan dihantar terus kepada pemilik (Pelanggan).

Dengan membaca T&S ini kami menganggap anda telah FAHAM dan BERSETUJU dengan mana-mana T&S bertulis di atas mengikut maklumat dan persetujuan yang terkandung dalam borang tempahan.

Lot 244 89600 Papar, Sabah Malaysia | Tel: 0138754455 | email: sales@siurang.com